



GARIS PANDUAN PERMOHONAN DANA PENYELIDIKAN UNIVERSITI (DPU) PINDAAN TAHUN 2018

1.0 SYARAT UMUM PERMOHONAN DPU 2018

Dana ini terbuka kepada kakitangan akademik (pensyarah) di UniSZA dengan syarat-syarat berikut:-

- 1.1 a) Pensyarah tetap atau kontrak gred 45 sehingga 52 yang tidak mempunyai kelulusan PhD; **atau**
b) Pensyarah gred 51 dan 52 yang mempunyai kelulusan PhD tidak melebihi lima (5) tahun.
- 1.2 Tidak mengetuai geran dalaman atau mana-mana geran penyelidikan luar semasa permohonan dibuka.
- 1.3 Permohonan baru bagi mereka yang telah diluluskan geran dalam atau luar pada fasa yang terdahulu akan diberi pertimbangan dengan mengemukakan bukti tahap selesai projek pertama pada kadar 75% (berpandukan laporan prestasi yang telah diperakui oleh JPF).
- 1.4 Pemohon adalah digalakkan melantik sekurang-kurangnya seorang ahli penyelidik bersama senior di kalangan Profesor / Profesor Madya.
- 1.5 Pensyarah kontrak hanya layak memohon sekiranya tempoh kontrak masih berbaki minima enam (6) bulan.
- 1.6 Hanya satu (1) permohonan projek (Ketua Projek) sahaja akan diperakui pada setiap fasa permohonan DPU. Namun begitu, pemohon layak untuk menjadi ahli penyelidik bagi permohonan lain.
- 1.7 Pensyarah sedang cuti belajar tidak dibenarkan untuk memohon dan menjalankan penyelidikan.

2.0 TEMPOH PENYELIDIKAN

Tempoh penyelidikan adalah satu (1) hingga dua (2) tahun sahaja.

3.0 SILING PERUNTUKAN

Siling peruntukan bagi menjalankan projek penyelidikan di bawah dana ini untuk tahun 2016 adalah tidak melebihi **RM 30,000.00** untuk Bidang Sains dan Teknologi dan **RM 10,000** untuk Bidang Sains Sosial.

4.0 HASIL PENYELIDIKAN

4.1 Modal Insan

Modal insan adalah tidak diwajibkan, bergantung kepada kecukupan geran.

4.2 Penerbitan

Penyelidik perlu mematuhi Jangkaan Hasil Penyelidikan Berdasarkan Jumlah Geran Universiti Diterima sepertimana **Lampiran 1**.

5.0 KAEDAH PERMOHONAN

5.1 Permohonan mestilah dibuat di atas talian melalui Sistem e-RMIC yang boleh dicapai melalui Portal Staf.

5.2 Setiap permohonan perlu melalui pengesahan Jawatankuasa Penyelidikan Fakulti/Institut (JPFI) sebelum dihantar ke peringkat RMIC.

6.0 KRITERIA PENILAIAN

6.1 Penyelidikan yang dipohon mestilah merupakan penyelidikan yang dapat menghasilkan suatu idea/teori/konsep/kaedah/model/proses baru; dan

6.2 Penyelidikan yang dapat menambahbaik sesuatu polisi, metodologi dan model penyelesaian yang sedia ada; atau

6.3 Penyelidikan yang merangkumi isu-isu kemanusiaan dan kemasyarakatan bagi tujuan peningkatan nilai kehidupan dalam negara dan sejagat; atau

6.4 Penyelidikan yang berpotensi untuk menyumbang kepada agenda strategik negara.

7.0 PERATURAN KEWANGAN

7.1 Vote 11000 *Upah dan Elaun untuk Pembantu Penyelidik Siswazah

Upah dan elaun untuk membiayai Pembantu Penyelidik Siswazah (GRA) dan Pembantu Penyelidik (RA). Siling upah dan elaun tidak melebihi RM2300 untuk pelajar Ph.D dan RM1800 untuk pelajar sarjana atau mengikut garis panduan IPT.

**Tertakluk kepada perubahan dari semasa ke semasa.*

7.2 Vote 21000 Perjalanan dan Pengangkutan

Perbelanjaan merangkumi semua perjalanan dan pengangkutan domestik yang berkaitan dengan projek. Perjalanan ke luar negara (berdasarkan kepada kelulusan Jawatankuasa Persidangan Universiti) perlu memenuhi kriteria di bawah:-

- i) Perjalanan ke luar negara dibenarkan tertakluk kepada kecukupan geran yang telah dipohon. Hanya ketua penyelidik dan ahli sahaja yang dibenarkan bagi tujuan tersebut. Pembantu penyelidik siswazah (GRA) hanya dibenarkan untuk mengikuti persidangan, seminar atau bengkel yang berkaitan dengan penyelidikan mereka di dalam negara sahaja.
- ii) Perjalanan ke luar negara yang dibenarkan ialah yang bertujuan menghadiri persidangan / seminar / bengkel / kolokium untuk membentangkan hasil penyelidikan.
- iii) Destinasi perjalanan tersebut mestilah merupakan tempat yang paling sesuai dan ekonomikal dari segi kemudahan, kepakaran dan pemindahan teknologi.
- iv) Perjalanan ke luar negara mestilah juga mengikut peraturan Universiti.
- v) Untuk menghadiri persidangan dan lain-lain aktiviti selain kerja lapangan, sebanyak 20% dari jumlah peruntukan projek dibenarkan.

7.3 Vote 24000 Sewaan

Sewaan hanya dibenarkan untuk bangunan, peralatan, pengangkutan dan barangan lain yang terlibat secara langsung dengan penyelidikan.

7.4 Vote 27000 Bekalan dan Bahan Penyelidikan

Hanya perbelanjaan yang berkaitan dengan penyelidikan sahaja dibenarkan.

7.5 Vote 28000 Baik Pulih Kecil Dan Ubahsuai

- i) Hanya perbelanjaan untuk baik pulih dan pengubahsuaian yang kecil terhadap bangunan, makmal, peralatan atau lain-lain barang yang berkaitan dengan penyelidikan dibenarkan.
- ii) Kos penyelenggaraan peralatan sedia ada semasa projek dilaksanakan adalah dibenarkan. Selepas projek selesai kos penyelenggaraan ini tidak akan ditanggung lagi oleh dana ini.

7.6 Vote 29000 Perkhidmatan Ikhtisas

- i) Meliputi lain-lain perkhidmatan termasuk percetakan, hospitaliti, honorarium, perkhidmatan profesional, konsultasi, penggunaan komputer, pemprosesan data dan lain-lain perkhidmatan yang berkaitan dengan projek penyelidikan.
- ii) Juga meliputi bayaran upahan bagi enumerator/pembanci, juru lapangan/juruanalisis dan pembantu pelajar.
- iii) Perkhidmatan Khas / Belanja Pakai Habis
Merangkumi kos menghadiri kursus, program sangkutan jangka pendek (sekali (1) sahaja) untuk mempelajari teknik - teknik khusus yang berkaitan dengan projek penyelidikan. Tempoh yang dibenarkan adalah tidak melebihi tiga (3) bulan. Jumlah perbelanjaan (iii) tidak melebihi 5% daripada jumlah keseluruhan geran.

7.7 Vote 35000 Aksesori dan Peralatan

- i) Hanya pembelian peralatan khas dan aksesori (termasuk meningkatkan keupayaan peralatan sedia ada) yang berkaitan dengan projek penyelidikan dibenarkan.
- ii) Tidak dibenarkan membeli peralatan komunikasi dan perkakasan ICT seperti workstation, laptop, iPad, hand phone, printer, stationery yang tidak berkaitan langsung dengan projek penyelidikan. Justifikasi pembelian perlu dinyatakan semasa membuat permohonan geran.
- iii) Jumlah yang dipohon pula tidak melebihi 40% daripada jumlah keseluruhan dana.

*Sebarang permohonan pembelian yang bernilai RM 3,000 dan ke atas perlu disertakan dengan satu (1) sebut harga.

LAMPIRAN 1

JANGKAAN HASIL PENYELIDIKAN BERDASARKAN JUMLAH PERUNTUKAN GERAN UNIVERSITI YANG DITERIMA

JUMLAH GERAN (RM)	*MINIMUM OUTPUT		
	Penerbitan (Jurnal Terindeks)	Modal Insan	Harta Intelek (IP)
5,000 - 9,999	1 artikel	-	-
	-	-	1
10,000 – 29,999	1 artikel	-	1
	2 artikel	-	-
30,000 – 49,999	2 artikel	1	1
	3 artikel	1	

*Selain daripada yang diatas, penyelidik adalah digalakkan untuk menghasilkan **buku penyelidikan yang diterbitkan oleh penerbit tersohor, bab dalam buku, kertas kerja seminar, monograf atau modul.**

PERMOHONAN DANA PENYELIDIKAN UNIVERSITI (DPU) 2018

BIL	PERKARA	22/04/2018 (Ahad) - 06/05/2018 (Ahad) 2 MINGGU	07/05/2018 (Isnin) – 12/05/2018 (Sabtu) 1 MINGGU	13/05/2018 (Ahad) - 15/05/2018 (Selasa) 3 HARI	16/05/2018 (Rabu) 1 HARI	17/05/2018 (Khamis) - 31/05/2018 (Khamis) 2 MINGGU	01/06/2018 (Jumaat) - 7/06/2018 (Khamis) 1 MINGGU	8/6/2018 (Jumaat) - 14/6/2018 (Khamis) 1 MINGGU	18/6/2018 (Isnin) - 25/06/2018 (Isnin) 1 MINGGU
1	Pengisian dan penghantaran maklumat cadangan penyelidikan dalam sistem e-RMIC								
2	Pengesahan dan sokongan permohonan DPU oleh JPFI melalui sistem e-RMIC								
3	Fakulti/COE mencadangkan nama panel penilai kepada RMIC								
4	Penetapan (assign) nama panel dalam sistem (RMIC)								
5	Proses penilaian kertas cadangan dalam sistem e-RMIC (Peringkat 1)								
6	Pemurnian dan penghantaran semula (resubmission) cadangan penyelidikan (Pemohon)								
7	Proses penilaian kertas cadangan peringkat dalaman (Reviewer) Peringkat Kedua								
8	Proses penaziran penilaian peringkat RMIC								
9	Perakuan dan kelulusan oleh Jawatankuasa Pengurusan Penyelidikan (JkPP)								

Pusat Pengurusan Penyelidikan, Inovasi & Pengkomersilan |Research Management, Innovation & Commercialization Centre (RMIC)

Kampus Gong Badak, 21300 Kuala Nerus, Terengganu, Malaysia.
Tel: 609.668.7986 Faks: 609.668.7978 E-mel: rmic@unisza.edu.my

*GE14: 9 MEI 2018

*cuti Raya Aidilfitri: 15-17 Jun 2018 (Jumaat-Ahad)